

# UiTM juara keseluruhan

Oleh Nurul Amanina Suhaini  
bhsukan@bh.com.my

Johor Bahru

Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2016 yang melabuhkan tirainya semalam, menyaksikan Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul johan keseluruhan temasya edisi ketiga itu.

Berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai dekat sini, UiTM memparmerkan prestasi cemerlang sepanjang kejohanan itu apabila berjaya memungut 53 emas, 46 perak dan 35 gangsa.

Ketua Eksekutif SUKIPT, Hazally Jali, berkata walaupun UiTM muncul sebagai juara keseluruhan, penyertaan dari universiti swasta turut memberi saingan hebat kepada pasukan lain hingga mendominasi beberapa acara sukan pada kejohanan itu.

"Sebagai contoh, atlet dari Universiti Sunway merangkul emas dalam sukan renang, lawan pedang dan ping pong, malah saya yakin pada kejohanan akan datang lebih banyak saingan akan diberikan pasukan dari universiti swasta.

"Pada kejohanan SUKIPT 2018, kita dalam proses perbincangan kemungkinan membabitkan pengajuran temasya itu oleh tiga universiti tempatan dalam usaha menyediakan kemudahan yang lengkap kepada atlet yang bertanding," katanya, semalam.

## 8,000 atlet sertai

Lebih 8,000 atlet dari 102 kontingen menyertai SUKIPT kali

» SUKIPT turut dapat sambutan universiti swasta



Atlet UiTM meraikan kemenangan selepas dinobatkan juara keseluruhan SUKIPT 2016 di Skudai.  
[FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH]

ini yang menawarkan 245 pingat emas melalui 25 acara bermula 25 Januari lalu, yang turut menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) menduduki tangga kedua dengan pungutan 41 emas, 19 perak dan 21 gangsa.

Universiti Malaya (UM) pula sekadar berpuas hati di tempat ketiga dengan pungutan 25 emas, 17 perak dan 14 gangsa.

Majlis penutupan SUKIPT yang berlangsung di Dewan Sultan Iskandar di UTM di sini, disempurnakan oleh Pengurusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi Johor,

Md Jais Sarday mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Md Jais berkata, pengurusan kejohanan seumpama itu dengan membabitkan elemen baharu termasuk penyertaan atlet institusi pengajian tinggi dari ASEAN dan orang kelainan upaya (OKU) adalah satu penambahbaikan dalam melahirkan atlet berpotensi tinggi.

"Kecemerlangan atlet pada kejohanan kali ini membuktikan SUKIPT relevan kepada usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam melahirkan lebih ramai atlet IPT

ke peringkat lebih tinggi.

"Usaha menjayakan sukan ini perlu diterus dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi kelangsungan kecemerlangan sukan negara," katanya membacakan teks ucapan Mohamed Khaled.

Sementara itu, pada hari terakhir kejohanan semalam, UiTM buat kali kedua mempertahankan pingat emas dalam acara akhir sofbal wanita yang berlangsung di Padang Utama, UTM di sini selepas menewaskan UM, manakala UPM pula sekadar meraih pingat gangsa.